

UPSI, PSM Meterai MoU Perkasa Pembangunan Sepak Takraw Negara

Tanjong Malim, 16 Julai - Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) dan Persekutuan Sepak takraw Malaysia (PSM) memeterai Memorandum Persefahaman (MoU) bagi memperkukuh kerjasama strategik dalam bidang pendidikan, penyelidikan dan khidmat masyarakat.

Naib Canselor UPSI Prof Datuk Dr. Md Amin Md Taff berkata pemeteraian MoU itu bakal membuka lebih banyak peluang kepada atlet sepak takraw negara untuk melanjutkan pengajian di institusi itu. Beliau berkata kerjasama itu mencerminkan komitmen universiti dalam menyokong pembangunan modal insan negara menerusi gabungan kecemerlangan akademik dan sukan.

"UPSI komited menawarkan peluang pendidikan kepada atlet di bawah PSM pada semua peringkat pengajian, tertakluk kepada kelayakan akademik, selain menyediakan fleksibiliti jadual yang selaras dengan keperluan latihan dan pertandingan mereka. Kerjasama ini bukan sekadar sebuah dokumen simbolik, sebaliknya akan diterjemahkan melalui pelan tindakan yang konkrit dan berimpak tinggi demi manfaat kedua-dua institusi serta pembangunan sukan negara," katanya dalam kenyataan hari ini.

Md Amin berkata UPSI turut bersedia berkongsi kepakaran dalam bidang teknikal, kejurulatihan, kepegawaian dan teknologi sukan, selain menyediakan kemudahan serta sumber yang diperlukan bagi memastikan pelaksanaan kerjasama itu dipantau secara berterusan. Beliau berkata MoU berkenaan yang berkuat kuasa selama tiga tahun dan boleh dilanjutkan atas persetujuan bersama dijangka menjadi pemangkin kepada pelaksanaan Memorandum Perjanjian (MoA) yang lebih terperinci pada masa hadapan.

Majlis menandatangani MoU yang berlangsung di Bangunan Canselor, Kampus Sultan Abdul Jalil Shah UPSI di Tanjong Malim turut memberi tumpuan kepada pembangunan bakat, perkongsian kepakaran teknikal dan sains sukan serta penyediaan pusat latihan kebangsaan bagi sukan sepak takraw. Sementara itu, Naib Presiden PSM Tengku Zaihan Che Ku Abdul Rahman berkata kerjasama tersebut akan menyediakan laluan pendidikan formal yang lebih terjamin kepada atlet sepak takraw negara dan negeri, termasuk daripada Sekolah Sukan Malaysia serta Sekolah Sukan Negeri.

"Gabungan kepakaran sains sukan UPSI dan pengalaman teknikal PSM diyakini mampu mempercepat pembangunan bakat, jurulatih dan pegawai teknikal bertaualiah dalam sukan sepak takraw," katanya dalam kenyataan yang sama.

Beliau turut berharap MoU berkenaan dapat dijadikan model rujukan bagi kerjasama strategik antara badan sukan kebangsaan dan institusi pengajian tinggi lain di negara ini.



PENERAJU KEBITARAAN PENDIDIKAN



UPSI perkasa kesejahteraan warga emas menerusi saringan risiko jatuh

Ipoh, 19 Julai - Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) menerusi Fakulti Sains Sukan dan Kejurulatihan (FSSKj) terus memperkukuh peranannya dalam meningkatkan kesejahteraan warga emas di Perak menerusi pelaksanaan saringan risiko jatuh dan konsultasi senaman berasaskan tahap kecergasan individu. Inisiatif itu diketengahkan pada Majlis Perasmian Halaman Suri Sejahtera Negeri Perak di Taman Lapangan Terbang baru-baru ini, yang disempurnakan oleh Menteri Besar Perak Datuk Seri Saarani Mohamad.

UPSI diwakili oleh dua Pensyarah Kanan FSSKj, Dr Nor Fadila Kasim dan Dr Fairus Fariza Zainudin yang berkongsi kepakaran fakulti dalam bidang kecergasan fungsian, pencegahan risiko jatuh serta konsultasi senaman untuk warga emas. Menurut Dr Nor Fadila, UPSI merupakan rakan strategik Wanita Perak di bawah portfolio EXCO Pembangunan Wanita Negeri Perak dalam menjayakan Program Warga Emas Fit (WEFIT) 2026 menerusi siri jelajah ke Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) di seluruh negeri.

“Melalui program ini, warga emas menjalani *Senior Fitness Test* bagi

menilai komponen kecergasan fizikal yang berkaitan dengan keupayaan mereka melaksanakan aktiviti harian secara selamat dan berdikari. “Keputusan penilaian ini menjadi asas kepada konsultasi senaman yang diberikan secara terus mengikut tahap keupayaan dan keperluan setiap individu, sekali gus membantu meningkatkan kekuatan otot, keseimbangan, fleksibiliti dan mobiliti mereka. Beliau berkata pendekatan berasaskan individu amat penting memandangkan setiap warga emas mempunyai tahap kecergasan, keupayaan fizikal dan risiko jatuh yang berbeza.

“Pengesanan awal membolehkan warga emas mengenal pasti tahap keupayaan fizikal dan faktor risiko mereka. Berdasarkan keputusan saringan, senaman yang bersesuaian boleh dicadangkan bagi membantu mereka mengekalkan fungsi fizikal, kebebasan bergerak dan kualiti hidup,” katanya. Sementara itu, Dr Fairus Fariza berkata kerjasama strategik antara FSSKj dan Wanita Perak membuka ruang kepada universiti untuk memperluas pelaksanaan intervensi berasaskan sains sukan kepada komuniti warga emas di seluruh Perak.

UNIMAS, UPSI Perkukuh Kerjasama Penyelidikan Perkembangan Kanak-kanak

Kota Samarahan, 19 Julai - Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) dan Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) memperkukuh kerjasama penyelidikan dalam bidang perkembangan kanak-kanak, pendidikan, kesejahteraan dan pembangunan manusia menerusi pertukaran Memorandum Persefahaman (MoU).

Naib Canselor UNIMAS, Profesor Dr. Ahmad Hata Rasit berkata, pertukaran MoU itu menandakan langkah penting ke arah membina kerjasama kukuh antara dua universiti yang memiliki kekuatan dan kepakaran untuk saling

melengkapi. “Penyelidikan yang dilaksanakan menerusi kerjasama ini perlu melangkaui penerbitan akademik serta membawa manfaat sebenar kepada kanak-kanak, keluarga, pendidik, sekolah dan masyarakat secara keseluruhannya.

“Saya berharap MoU ini diterjemahkan melalui pelan tindakan yang jelas dan program berterusan kerana kejayaan sesebuah MoU diukur berdasarkan hasil serta impak yang dicapai selepas pertukarannya,” katanya ketika berucap pada Majlis Pertukaran MoU tersebut, baru-baru ini.



Program Bina Insan Bitara UPSI bentuk lebih 10,000 mahasiswa sejak 2022

Tanjong Malim, 17 Julai - Program Bina Insan Bitara (BIB) yang diperkenalkan Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) pada 2022 berjaya membentuk lebih 10,000 mahasiswa diploma dan ijazah sarjana muda melalui pelbagai modul pembangunan karakter serta kepimpinan.

Naib Canselor UPSI, Prof. Datuk Dr. Md. Amin Md. Taff berkata program itu diperkenalkan sebagai platform pembangunan sahsiah yang menjadi identiti universiti dalam melahirkan graduan yang bukan sahaja cemerlang akademik, malah memiliki nilai integriti, daya tahan dan semangat kepimpinan.

“Universiti mempunyai tanggungjawab yang lebih besar daripada sekadar menyampaikan ilmu. Kita perlu membentuk insan yang mempunyai nilai, integriti dan kebijaksanaan dalam membuat keputusan.

“Itulah yang menjadi asas kepada pembinaan Jiwa UPSI, iaitu identiti mahasiswa yang berilmu, berakhlak dan bersedia menyumbang kepada agama, bangsa serta negara,” katanya dalam kenyataan hari ini.

Beliau berkata konsep Jiwa UPSI merupakan manifestasi falsafah pendidikan universiti yang menekankan

keseimbangan antara kecerdasan intelektual, kematangan emosi, kekuatan rohani dan tanggungjawab sosial.

Menurut beliau, Program Bina Insan Bitara yang diterajui Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan Alumni bersama fakulti-fakulti di UPSI menjadi medium terbaik untuk menterjemahkan falsafah tersebut melalui pengalaman pembelajaran yang membentuk karakter mahasiswa secara langsung.

Katanya, mahasiswa yang mengikuti program itu didedahkan kepada pelbagai aktiviti termasuk latihan kepimpinan, pembinaan pasukan, pengurusan konflik, khidmat komuniti, penghayatan nilai kenegaraan serta aktiviti lapangan yang menguji ketahanan mental dan fizikal. Sementara itu, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UPSI, Prof. Dr. Norkhalid Salimin berkata pembentukan karakter tidak boleh dilakukan secara teori semata-mata, sebaliknya memerlukan pengalaman sebenar yang mampu mengubah cara berfikir dan bertindak seseorang mahasiswa.

“Program Bina Insan Bitara dibangunkan bagi memastikan mahasiswa

melalui proses pembelajaran yang membolehkan mereka mengenali potensi diri, memperkasa jati diri, memahami kepentingan kerja berpasukan, membina keyakinan dan menghayati nilai kepimpinan yang berteraskan integriti.

“Kita mahu mahasiswa UPSI bukan sekadar memiliki ilmu, tetapi mempunyai karakter dan jati diri yang mampu menyerlah apabila berada di sekolah, organisasi, komuniti mahupun dalam kehidupan bermasyarakat. Nilai itulah yang membentuk Jiwa UPSI,” katanya.

Beliau berkata pembangunan karakter perlu bermula seawal kemasukan mahasiswa ke universiti kerana tempoh pengajian merupakan fasa penting dalam membentuk keperibadian, pemikiran dan nilai yang akan dibawa sehingga ke alam pekerjaan.

Program Bina Insan Bitara turut menyokong aspirasi Malaysia MADANI yang memberi penekanan kepada pembangunan insan secara menyeluruh serta melengkapkan mahasiswa dengan kemahiran insaniah yang diperlukan untuk menghadapi cabaran masa depan.

